



# FAKULTAS

JURNAL KOLEJ CEMPAKA KENANGA

BIL 01 DIS - MEI 2000

ISSN : 1511-7472

UNTUK EDARAN DALAMAN

## Bahasa Melayu

Aspek Kebudayaan dan Perpaduan Kaum : Relevannya dengan IPTA

*A. Aziz Deraman*

Maklumat (IT) dalam Pendidikan Sekolah Bestari

*Raja Abdullah Yaacob & Saidina Omar Samsuri*

Hakcipta Intelektual Era Digital Menurut Islam

*Mohd Nor Mamat*

Anda dan Pembacaan

*Zohra Ibrahim*

Kumpulan Pendesak/Seminat

*Posiah Mohd Isa*

## Bahasa Inggeris

The Changing Role of the Secretarial Profession

*Halifah Abdul Rahman*

An Insight Into the Global Market Penetration by

A Malaysian Construction Firm :

Evaluation of the Construction Industry in International Markets

*Noraliza Haji Basrah*

## KOSMOLOGI KEILMUAN PADA MILENIUM SIBER

### Motivasi & Pemantapan Akademik

Teknik Peperiksaan

*Habibah Lehar*

Getting Ready for A Basic Accounting Examination!

*Khashi'ah Yusof*

Mendengar dan Menggalakkan Manusia Bercakap

*Darussalam Abu Bakar*

# FAKULTAS

JURNAL KOLEJ CEMPAKA KENANGA

“ KOSMOLOGI KEILMUAN PADA MILENIUM SIBER ”

© **Kolej Cempaka Kenanga**  
Universiti Teknologi Mara Shah Alam

Cetakan Pertama, Mei 2000

Hakcipta adalah terpelihara. Mana-mana artikel atau isi kandungan jurnal ini tidak boleh diterbitkan semula ataupun disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebagainya tanpa mendapat izin bertulis daripada pihak penerbit.

Semua artikel adalah tanggungjawab penulis sepenuhnya dan tidak semestinya merupakan pandangan pihak penerbit.

*Susun Atur Teks: Times New Roman*  
*Saiz Huruf: 11 poin*  
*Rekabentuk Kulit: Mohd Nor Mamat*

ISSN: 1511-7472

Diterbitkan oleh:  
**Kolej Cempaka Kenanga**  
Universiti Teknologi Mara  
40450 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA  
E-mail : fakultas@hotmail.com

Dicetak oleh:  
**Univision Press Sdn Bhd (473080-W)**  
Taman Samudra, Bt Caves,  
Selangor, MALAYSIA  
Tel: 03-6892679/3386 Fax:03-6871053  
E-mail : unvision@tm.net.my

## **SENARAI PENYUMBANG**

---

1. Tuan Haji A. Aziz Deraman  
Ketua Pengarah  
Dewan Bahasa dan Pustaka
2. Profesor Madya Dr Raja Abdullah Yaacob  
Dekan  
Fakulti Pengajian Maklumat UiTM
3. En Saidina Omar Samsuri  
Fakulti Pengajian Maklumat UiTM
4. Us. Mohd. Nor Mamat  
Pusat Pendidikan Islam UiTM
5. Dr. Zohra Ibrahim  
Fakulti Pengajian Maklumat UiTM
6. Dr. Posiah Isa  
Fakulti Pentadbiran & Undang-Undang UiTM
7. Cik Halifah Abd. Rahman  
Fakulti Pengurusan Teknologi Pejabat UiTM
8. Cik Noraliza Hj. Basrah  
Fakulti Sains Perancangan dan Ukur UiTM
9. Pn Habibah Lehar  
Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM
10. Pn Khashi'ah Yusof  
Fakulti Perakaunan UiTM
11. En. Darussalam Abu Bakar  
Ketua Kursus Penyiaran  
Fakulti Sebaran Am UiTM

## LEMBAGA EDITORIAL

### Penaung

Datuk Prof Ir. Dr Haji  
Ahmad Zaidee Laidin

### Penasihat Khas

Prof Madya  
Dr Yaacob Yusof

### Penasihat

Cik Noraliza Basrah

### Koordinator

Us Mohd Nor Mamat

### Ex Officio

Rafidah Abdul Aziz

### Ketua Editor

Haslina Abu Samad

### Pen Ketua Editor

Haniza Othman

### Editor

Ellyna Yusof

Liza Imelia M.Sulanah

Sh Radhiah Said Alwi

Siti Raudhah Shaari

Nazathul Shima Azizi

Azimah Kassim

Zatul Iffah Adbul Halil

Tn Noraiham Tn Yasin

Suriati Abd Shukor

PurnamaSari Sahnawi

Istiqamah Subuki

Hazilah Mat Isa

## ISI KANDUNGAN

Aspek Kebudayaan dan Perpaduan Kaum Relevannya dengan IPTA: Satu Analisis <i>Tuan Haji A. Aziz Deraman</i>	1
Maklumat (IT) dalam Pendidikan Sekolah Bestari <i>Profesor Madya Dr Raja Abdullah Yaacob &amp; Saidina Omar Samsuri</i>	25
Hakcipta Intelektual Era Digital Menurut Islam <i>Mohd Nor Mamat</i>	35
Anda dan Pembacaan <i>Dr Zohra Ibrahim</i>	49
Kumpulan Pendesak/Seminat <i>Dr Posiah Mohd Isa</i>	57
The Changing Role of the Secretarial Profession <i>Halifah Abdul Rahman</i>	67
An Insight Into the Global Market Penetration by A Malaysian Construction Firm: Evaluation of the Construction Industry in International Markets <i>Noraliza Basrah</i>	75
Teknik Peperiksaan <i>Habibah Lehar</i>	95
Getting Ready for A Basic Accounting Exam!	101
Mendengar & Menggalakkan Manusia Bercakap <i>Darussalam Abu Bakar</i>	111
<i>Jemputan Penulisan Artikel Jurnal Bil 02 Jun-Dis 2000</i>	119

# **KUMPULAN PENDESAK / SEMINAT**

## *Posiah Mohd Isa (Dr)*

### **Pendahuluan**

Selain daripada parti politik ada satu lagi golongan daripada rakyat yang bermaksud berlainan. Golongan ini dinamakan sebagai Kumpulan-kumpulan Pendesak/Seminat. Kumpulan Pendesak (KP) adalah sebuah kumpulan yang berkemahuan dan mempunyai minat yang berkemahuan dan mempunyai minat tertentu yang sama. Mereka mengenengahkan minat atau perkara yang mereka perjuangkan kepada pihak pemerintah. Kumpulan ini selalunya tertubuh secara tidak langsung dan kadang-kadang secara formal.

### **Definisi Kumpulan Pendesak (KP)**

KP boleh dikatakan sebagai satu pertubuhan di bawah Akta Pertubuhan dan pertubuhan Sukarela yang mana dalam penglibatannya memperjuangkan tuntutan dan desakannya adalah dibatasi undang-undang sistem pemerintahan negara.

Menurut La Palombra, KP adalah satu kumpulan yang mengandungi dua atau lebih ahli yang bertujuan untuk mempengaruhi dasar awam atau golongan tertentu yang terlibat dalam penerapan nilai-nilai masyarakat.

Tokoh politik Alfred de Grazia pula menyatakan agensi-agensi kerajaan boleh juga didefinisikan sebagai Kumpulan Pendesak bila berusaha menunjukkan dan mempengaruhi organisasi kerajaan supaya mendatangkan faedah kepada agensi mereka.

## FAKULTAS

Di sini dapatlah diketahui bahawa KP adalah kelompok yang bertujuan untuk memperjuangkan sesuatu kepentingan dan cuba mempengaruhi lembaga politik agar mendapatkan keputusan yang menguntungkan ahli-ahli mereka tanpa melibatkan diri secara langsung dalam bidang politik.

Dalam lain perkataan, Kumpulan Pendesak adalah satu perkumpulan yang tersusun yang berusaha mempengaruhi keputusan-keputusan kerajaan tanpa berusaha meletakkan ahli-ahlinya ke dalam kedudukan kerajaan itu secara formal. Ia berusaha memperkuat atau mengubah arah dasar-dasar kerajaan yang tertentu tanpa ingin menjadi kerajaan yang memerintah.

Daripada takrif-takrif ini, jelas bahawa antara ciri-ciri utama Kumpulan Pendesak ialah:

- (a) ia mempunyai kepentingan dan matlamat-matlamat tertentu,
- (b) ia berusaha mempengaruhi dasar tertentu untuk memuaskan mendapatkan dan mempertahankan kepentingan-kepentingan itu, dan
- (c) ia bukan berusaha mendapatkan secara langsung.

Terdapat banyak jenis perkumpulan seperti ini, dengan kepentingan-kepentingan, cara-cara bertindak, darjah tindakan dan skop penglibatan yang berbeza-beza. Ini termasuklah perkumpulan yang besar dan sangat berpengaruh seperti organisasi-organisasi majikan, dan kesatuan-kesatuan sekerja yang bertindak di peringkat nasional sehinggalah yang kecil, lemah dan terhad seperti kumpulan-kumpulan sivik yang berusaha menuntut kemudahan-kemudahan tempatan di peringkat kampung.

## **Asal Usul Kumpulan Pendesak**

Dari banyak segi, kemunculan Kumpulan Pendesak adalah hasil daripada perubahan kerajaan dan politik dan bertambahnya kompleksiti masyarakat moden. Sememangnya kumpulan-kumpulan yang mendesak dan menuntut dasar-dasar tertentu telah lama wujud. Di Tamadun Yunani dan Rom, mahupun di zaman Dinasti Sung di China, atau Kekhalifahan Osmaniah di Turki dan Kesultanan Melayu Melaka penuh dengan kumpulan-kumpulan tertentu yang memainkan peranan seperti itu. Tetapi kebanyakan ini adalah terhad di sekitar kumpulan-kumpulan kekeluargaan di mana adalah sukar sekali untuk membezakan struktur kuasa dan pengaruh daripada struktur kekeluargaan dan institusi perkahwinan. Lagi pula pada zaman itu hanya berkisar di kalangan ahli-ahli istana, aristokrat dan golongan peniaga dan agama.

Tetapi dengan membesarnya negara, dengan bertambahnya peserta-peserta yang berminat dalam berpolitik, dengan bertambahnya peranan dan dasar-dasar kerajaan, dengan proses industri dan perbandaran dan dengan kebebasan-kebebasan rakyat yang juga bertambah, maka peranan untuk Kumpulan-kumpulan Pendesak juga meningkat sebagai satu respon kepada satu keadaan dan kekompleksan baru ini. Secara umum, kita boleh katakan bahawa Kumpulan Pendesak dan berkepentingan dilahirkan oleh masyarakat industri-bandar, dan semakin sesuatu masyarakat itu menuju kepada kemodenan, industrialisasi dan perbandaran, semakinlah bertambah kumpulan-kumpulan yang berkepentingan yang akan berusaha mempengaruhi kuasa politik ke arah kepentingannya itu.

Satu persoalan yang boleh ditimbulkan di sini ialah mengapa timbulnya kumpulan-kumpulan ini dan apa pula dorongan



yang mendorong individu-individu menyertainya?. Berdasarkan faktor-faktor asal usul tadi bolehlah dikatakan bahawa kekompleksan masyarakat, pengkhususan dan jenis-jenis kerja di bandar dan proses perbandaran yang menimbulkan jenis-jenis perhubungan yang berbeza dari jenis-jenis perhubungan tradisional dan kekeluargaan telah menyebabkan berlakunya perkelompokan-perkelompokan baru. Juga, masyarakat yang kompleks dan peluang persaingan yang semakin hebat dalam perebutan nilai-nilai dalam masyarakat itu semakin memerlukan tindakan-tindakan bersama baik dalam menuntut sesuatu mahupun dalam mempertahankan kepentingan-kepentingan bersama. Akhir sekali, salah satu faktor perangsang yang terpenting ialah hakikat bahawa tuntutan yang dibuat secara berkelompok adalah lebih berkemungkinan untuk menjadi lebih berkesan dan lebih diberikan keutamaan oleh golongan yang berkuasa.

### Jenis Kumpulan Pendesak

Di semua masyarakat, terutamanya masyarakat yang mengamalkan sistem politik demokratik, kita dapati banyak sekali kumpulan-kumpulan yang mendesak dan berusaha mempengaruhi dasar-dasar awam. Oleh kerana banyaknya kumpulan-kumpulan ini dan dengan darjah dan skop yang jauh berbeza-beza adalah sangat sulit sekali untuk membuat satu tipologi (penjenisan) untuk mengkategorikan jenis-jenis kumpulan ini. Semua usaha untuk mengkategorikan ini pasti agak tidak setepatnya, di mana setiap jenis itu susah untuk dibeza dan dipisahkan dengan jelas. Kesulitan ini ditambah pula dengan kemungkinan bahawa kumpulan-kumpulan ini boleh dibahagi-bahagikan mengikut faktor-faktor yang pelbagai seperti struktur organisasi, saiz, bilangan ahli, ideologi, matlamat, taktik dan sebagainya.

Satu jenis tipologi yang sering digunakan, ialah pembahagian kumpulan-kumpulan ini kepada dua jenis mengikut tujuan atau matlamat kumpulan-kumpulan itu:-

- (a) kumpulan yang mempunyai tujuan-tujuan moral yang khusus dan yang memperjuangkan matlamat kebaikan am dan bukan kebaikan kumpulan itu semata-mata. Kumpulan seperti ini dipanggil kumpulan *promotional*. Antara contoh-contoh, kumpulan-kumpulan agama, kumpulan-kumpulan kebajikan, kumpulan-kumpulan yang berjuang menentang pencemaran alam sekitar, atau yang memperjuangkan perdamaian, perpaduan, keadilan, hak asasi dan sebagainya.
- (b) kumpulan yang mempunyai tujuan yang *selfish*, iaitu yang mementingkan diri dan kumpulan sendiri sahaja dan yang memperjuangkan secara khusus untuk memperbaiki kedudukan material ahli-ahlinya. Kumpulan ini dipanggil kumpulan *protective*, contohnya kesatuan-kesatuan sekerja dan dewan-dewan perniagaan dan perusahaan.

### **Kaedah dan Teknik Kumpulan Pendesak**

Terdapat pelbagai cara yang digunakan oleh kumpulan-kumpulan ini, baik yang sah atau yang tidak sah. Cara-cara ini berbeza dari satu masyarakat ke satu masyarakat yang lain dan ini ditentukan, antara lain, oleh struktur politik, jenis sistem parti, kebudayaan politik, jenis isu dan jenis kumpulan di masyarakat tersebut. Secara umumnya terdapat tujuh kaedah utama yang sering digunakan.

1. Lobi: Melobi adalah teknik yang paling popular terutama dalam masyarakat demokratik di Amerika Syarikat.

Secara kasar lobi dalam konteks ini berarti usaha untuk mempengaruhi dasar-dasar awam. Selalunya ia ditujukan kepada badan-badan perwakilan dan perundangan dan ahli-ahlinya untuk mempengaruhi akta-akta atau bil-bil tertentu. Ia selalunya mengambil bentuk perjumpaan-perjumpaan peribadi, delegasi-delegasi kepada wakil-wakil badan perundangan, penulisan surat, memorandum atau petisyen, panggilan telefon dan penghantaran telegram dalam usaha untuk berhujah bahawa sesuatu dasar atau undang-undang itu seharusnya bercorak tertentu. Di Amerika Syarikat terdapat ahli *lobbyist* profesional yang selalu sahaja berulang-alik dan berkeliaran di kaki lima dan di lorong sekeliling majlis-majlis perundangan.

2. Tawar-menawar: Taktik ini hampir sama dengan melobi. Sering sekali ia melibatkan tawar-menawar berhubung dengan belanjawan negara. Di sesetengah negara, proses ini digalakkan secara terbuka oleh pemerintah, seperti di Jerman Barat dan Sweden. Proses tawar-menawar ini sebenarnya adalah sebahagian daripada fungsi pemerintah untuk cuba menyeimbangkan kepentingan pelbagai kumpulan dalam masyarakat.
3. Propaganda dan penerangan : Teknik ini paling selalu digunakan oleh kumpulan-kumpulan *promotional*. Ia ditujukan bukan saja kepada pembuat dasar tetapi juga kepada pendapat ramai supaya "suara rakyat" akan dapat menolong mengubah fikiran pembuat dasar. Propaganda dan penerangan ini boleh dilakukan melalui penulisan, iklan atau demonstrasi dan kempen rapat-rapat umum. Contoh teknik ini ialah usaha kumpulan-kumpulan tertentu supaya tentera Amerika diundurkan dari Vietnam ataupun usaha kumpulan-kumpulan seperti ABIM dan

Aliran di Malaysia supaya Pindaan Akta Persatuan 1982 ditarik balik.

4. Menyokong calon-calon pilihanraya: Teknik ini ialah di mana kumpulan-kumpulan tertentu menyokong calon-calon tertentu di dalam pilihanraya dengan harapan kemenangan calon-calon itu akan dapat menolong mencapai matlamat kumpulan itu. Contoh yang baik ialah sokongan kesatuan-kesatuan sekerja kepada calon-calon Parti Buruh di Eropah atau Parti Demokrat di Amerika (dan sokongan kumpulan-kumpulan pelabur dan peniaga kepada parti Konservatif dan parti Republikan), ataupun sokongan penuntut-penuntut Universiti Malaya kepada calon-calon barisan sosialis pada tahun 1964, sokongan ABIM kepada calon-calon PAS tahun 1978 dan sokongan Cuepacs kepada calon-calon “pro pekerja” di dalam pilihanraya-pilihanraya umum di Malaysia. Berkait dengan teknik keempat ini ialah pembentukan perhubungan khas dan langsung di antara kumpulan-kumpulan tertentu dengan parti tertentu. Di Jepun, umpamanya kumpulan-kumpulan industri dan kewangan mempunyai pertalian yang rapat dengan parti Demokrat-Liberal. Di Malaysia, kesatuan guru-guru mempunyai perhubungan yang rapat dengan UMNO, manakala sekolah-sekolah pondok pula mempunyai hubungan yang rapat dengan PAS. Di Eropah dan Amerika Latin gereja paling rapat dengan parti-parti Kristian Demokrat; di Itali dan Sicily, kumpulan Mafia diketahui umum sebagai mempunyai “perhubungan kerja” yang erat dengan parti-parti politik utama.
5. Perwakilan secara langsung: Berkait dengan teknik keempat ini juga ialah teknik di mana kumpulan-kumpulan itu sendiri berusaha mendapatkan kerusi di dewan perundangan untuk ahli-ahlinya, yang akan

bertanding sebagai calon bebas ataupun yang bertanding melalui parti-parti politik tertentu. Di Jepun umpamanya, rami ahli-ahli "diet" yang lebih merupakan kerusi wakil kumpulan-kumpulan berkepentingan. Amalan ini juga berlaku, walaupun tidak begitu ketara, di Jerman Barat, Itali, Perancis, Holland dan Norway.

6. Tindakan perindustrian: Ini termasuk tindakan mogok, demonstrasi, boikot, hartal, kerja ikut peraturan dan juga sabotaj. Teknik-teknik ini selalunya dikaitkan dengan kesatuan-kesatuan sekerja. Kesatuan-kesatuan sekerja di Britain dan India sangat terkenal dengan teknik-teknik.

### **Perbezaan Antara Parti Politik dan Kumpulan Pendesak**

Kumpulan Pendesak dan parti politik walaupun mempunyai fungsi yang hampir sama, adalah berbeza di dalam beberapa aspek yang tertentu.

1. Parti politik adalah sebuah kumpulan organisasi yang dianggotai oleh rakyat yang mana tujuan utamanya adalah untuk mendapatkan kuasa pemerintah bagi membolehkannya melaksanakan dasar-dasar Kerajaan. Kumpulan Pendesak merupakan satu pertubuhan yang dianggotai rakyat daripada pelbagai lapisan tetapi ahli-ahlinya terdiri daripada golongan tertentu sahaja. Kumpulan ini mengenengahkan perkara yang membabitkan kepentingan ahli-ahlinya tanpa melibatkan diri dalam parti politik.
2. Parti politik akan memilih calon-calon yang berkelayakan untuk bertanding atas nama parti. Untuk mencapai kemenangan, maka setiap parti yang bertanding akan menjalankan kempen serta mengemukakan program-

program kepada pengundi. Kumpulan Pendesak lebih cenderung dalam memperjuangkan prinsip dan pendirian mereka. Mereka adalah lebih radikal ketika melahirkan pendapat dan pada suatu ketika tertentu mereka akan mengadakan tunjuk perasaan. Golongan ini tidak bertanding dalam pilihanraya. Walaubagaimanapun mereka akan menyokong sesuatu polisi yang dikira selari dengan kehendak dan kepentingan ahli-ahlinya serta rakyat. Tidak mempunyai program-program untuk masa depan, kerana hanya bertindak mengikut situasi semasa dan untuk jangka masa pendek.

3. Kekukuhan dan keluasan parti politik terletak di tangan ahli-ahli. Semakin ramai ahli, maka semakin kukuhlah kedudukan parti dan semakin besarlah kemungkinan untuk mendapat kuasa pemerintahan. Sementara Kumpulan Pendesak adalah sebuah pertubuhan yang berperanan terhadap. Keahlian Kumpulan Pendesak lebih terbatas kepada kumpulan-kumpulan tertentu. Tidak pula mencuba sedaya-upaya menggesa rakyat untuk menjadi ahli sebagaimana yang dilakukan oleh parti politik.
4. Setiap parti politik memegang fahaman atau ideologi yang tertentu. Parti yang menang dalam pilihanraya akan memegang tampuk pemerintahan sementara parti yang kalah akan berdiri sebagai parti pembangkang dan akan mengkritik pemerintah dalam sesuatu hal untuk memastikan kuasa pemerintahan tidak disalahgunakan. Setiap kumpulan pendesak mempunyai tujuan yang berbeza, tetapi walaupun begitu ada juga perhubungan antara mereka. Satu kumpulan mungkin menyokong kumpulan lain disebabkan kepentingan serta tujuan yang serupa.

## **Kesimpulan**

Kewujudan Kumpulan Pendesak dalam sesebuah negara adalah hasil dari transformasi dalam pemerintahan dan masyarakat negar. Melalui Kumpulan pendesak, lebih ramai rakyat berpeluang untuk melibatkan diri dalam proses pembuatan dasar awam, memberi pandangan dan bangkangan kepada Kerajaan. Proses ini secara keseluruhannya akan meningkatkan kesedaran sivik dan politik rakyat dan memastikan kerajan lebih prihatin dan bertanggungjawab.